*Isu Dalam Pendidikan, 36, 2012*

# MEREKABENTUK BAHAN PEMBELAJARAN TATABAHASA BAHASA MELAYU TINGKATAN DUA MELALUI TEKNIK DELPHI

**Chin Hai Leng**
**Adelina Asmawi**
**Abdul Jalil Othman**
**Ghazali Darusalam**
Universiti Malaya

*Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Laman Portal Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Tingkatan Dua (Laman Portal PTBM-T2) untuk kegunaan para pelajar Tingkatan Dua. Pendekatan pembangunan (developmental approach) digunakan sebagai kaedah kajian ini. Teknik Delphi yang telah menggunakan kesepakatan sepuluh Pakar Bahasa Melayu telah dijalankan sebanyak tiga pusingan. Hasil temu bual Pakar Bahasa Melayu membantu pengkaji mereka bentuk bahan Laman Portal Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Tingkatan Dua. Dengan demikian boleh disimpulkan bahawa bahan Laman Portal Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Tingkatan Dua berjaya dibangunkan dan dapat membantu murid-murid mempelajari dan menguasai tatabahasa Bahasa Melayu dengan lebih mudah. Akhirnya, berdasarkan hasil kajian yang didapat disarankan agar guru-guru dan murid-murid menggunakan bahan laman portal sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran sampingan untuk mempelbagaikan aktiviti pembelajaran selain memperkayakan ilmu pengetahuan mengenai tatabahasa Bahasa Melayu.*

Pembangunan Laman Portal PTBM-T2 dapat menyediakan suatu suasana pembelajaran dan komunikasi bagi guru-guru Bahasa Melayu dan murid-murid Tingkatan Dua. Guru-guru dan murid-murid Tingkatan Dua dapat mengakses maklumat pada bila-bila masa dan tempat, menggalakkan murid-murid Tingkatan Dua dalam pembelajaran kendiri dengan menggunakan Laman Portal Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Tingkatan Dua (Laman Portal PTBM-T2).

Rasional pembangunan Laman Portal PTBM-T2 adalah untuk membantu pembelajaran murid-murid Tingkatan Dua dalam talian supaya murid-murid dapat menggunakan sumber bahan tatabahasa di Laman Portal PTBM-T2 sebagai bahan pembelajaran tambahan di dalam kelas. Laman